

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 15.5.2012
Hari: SELASA M/S: 23
Ruangan: DALAM NEGERI

Cadang wujudkan skim takaful banjir

PUTRAJAYA 14 Mei - Kerajaan digesa mewujudkan skim takaful banjir dengan kerjasama pihak swasta bagi mengurangkan kos yang perlu ditanggung semasa bencana alam itu.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Profesor Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, langkah tersebut perlu kerana setiap kali banjir kerajaan perlu mengeluarkan kos yang besar dari segi pembayaran pampasan.

Katanya, menerusi kerjasama

itu pihak swasta akan menubuhkan sebuah konsortium yang menggabungkan syarikat-syarikat insurans manakala, kerajaan pula akan bertindak sebagai pihak pentadbir dan pelaksana.

"Pemberian pampasan membatikan syarikat insurans yang ingin mengambil bahagian dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Ia sekali gus dapat mempraktikkan konsep perkongsian risiko antara pemegang polisi skim tersebut yang tidak dilan-

da banjir dengan mangsa banjir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan Resolusi Bengkel Pengurusan Bencana Banjir kepada Setiausaha MKN, Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab di sini.

Resolusi tersebut disediakan sekumpulan peserta mewakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak kerajaan dan swasta yang terlibat secara terus dalam bencana banjir di Ke-

dah dua tahun lepas.

Menurut Mohamed Mustafa, kerajaan boleh membantu penduduk yang terdedah kepada banjir dengan mengambil dana daripada bayaran wang ehsan.

"Kita menyarankan supaya kerajaan memberi subsidi sepenuhnya seperti Skim Takaful Kifaalah atau sekurang-kurangnya menanggung separuh daripada premium yang ditetapkan oleh syarikat insurans," tambahnya.